

'UMNO tak akan sekat kebebasan Pergerakan Wanitanya'

IPOH 11 Mac — UMNO tidak akan 'menyekat' kebebasan yang sedang dimiliki oleh Pergerakan Wanitanya yang selama ini bertindak selaras dengan matlamat perjuangan parti, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Presiden UMNO berkata, Wanita UMNO telah bertindak wajar dalam semua aspek perjuangan dan berjaya menyumbangkan peranan yang diperlukan oleh UMNO selama ini.

"Wanita UMNO telah menunjukkan peranan yang amat memuaskan, termasuk menentukan kemenangan dalam pilihanraya," tambah Perdana Menteri.

Berucap dalam majlis malam 'Mawar Perak' anjuran Pergerakan Wanita UMNO Perak di Hotel Royal Casuarian di sini malam tadi, beliau berkata, Wanita UMNO telah membuktikan kemampuannya dalam menjalankan aktiviti parti dan masyarakat.

Malahan, tambah beliau, kemenangan UMNO dalam pilihanraya juga hasil sumbangan besar dari wanita.

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian ada parti politik di tanahair telah menyekat kegiatan wanitanya, kerana menganggap kaum wanita tidak penting.

Kata beliau, mereka bukan sahaja mengenyepikan wanita dalam kegiatan parti, bahkan ketika berada dalam satu-satu kaum wanita ditempatkan di atas lantai.

Beliau menyifatkan peranan kaum wanita dalam UMNO adalah 'istimewa' terutama dalam menggerakkan jentera parti.